

Luas peluang ke puncak kejayaan pendidikan

Setiap pelajar diberi peluang tidak kira latar belakang
jadi tunggak usaha Menteri Pendidikan

► **NUR ADILAH MAHBOB**
adilaham@sph.com.sg

MELUASKAN peluang pendidikan kepada setiap pelajar untuk mengejar pelbagai puncak kejayaan tidak kira latar belakang mereka.

Itulah tunggak di sebalik apa yang dilakukan Menteri Pendidikan, Encik Heng Swee Keat, sepanjang empat tahun beliau menerajui kementerian itu.

“Perkara utama dalam usaha kami sepanjang empat tahun lalu adalah meluaskan peluang dalam pelbagai arah – meluaskan peluang bagi meraih kecemerlangan, memperbanyakkan puncak kecemerlangan dan meluaskan laluan ke arah kecemerlangan,” ujar Encik Heng.

Beliau berkata demikian dalam satu wawancara dengan *Berita Harian* kelmarin.

Pelbagai inisiatif yang diperkenalkan sejauh ini seperti Tadika Kementerian Pendidikan (MK), Skim Bantuan Kewangan Tadika (KiFas) dan Pusat Penjagaan Pelajar (SCC) di sekolah bertujuan memberi lebih banyak sokongan kepada pelajar di peringkat awal pendidikan mereka, kata Encik Heng.

Pada masa yang sama, lebih banyak sokongan juga diberikan kepada pelajar yang memerlukan pendidikan khas.

“Ini bermakna setiap pelajar diberi peluang tidak kira latar belakang mereka – sama ada mereka miskin, atau kurang sokongan di rumah atau mempunyai kesukaran pembelajaran,” ujarinya.

Satu lagi aspek yang dilakukan MOE ialah meluaskan apa yang dianggap sebagai kejayaan, kata Encik Heng.

MOE ingin memastikan setiap sekolah mempunyai ciri-ciri tersendiri dengan program menarik bagi memupuk bakat dalam bidang tertentu seperti sukan, seni, matematik dan sains.

Ini dilakukan menerusi Program Pembelajaran Amali (ALP) dan Program Pembelajaran Hayat (LLP) yang akan dilaksanakan di semua sekolah menjelang 2017.

“Jika seorang pelajar berbakat dalam seni atau muzik contohnya, dan ingin menceburi

bidang itu, terdapat lebih banyak peluang sekarang.

“Kami menggalakkan pelajar agar mengejar kecemerlangan dalam pelbagai bidang,” ujar Encik Heng.

Selain itu, MOE meluaskan laluan untuk membantu pelajar meraih kecemerlangan.

Ini termasuk memperbanyakkan tempat di universiti setempat menerusi penubuhan Institut Teknologi Singapura (SIT) dan Universiti SIM (UniSIM).

Sedang lebih banyak tempat universiti disediakan, Encik Heng menggesa ibu bapa dan pelajar supaya tidak hanya mengejar kelayakan kertas semata-mata.

Beliau akur ada kes ibu bapa menghabiskan ribuan dolar bagi anak mereka mendapatkan ijazah di luar negara, misalnya, tetapi akhirnya anak itu menghadapi kesukaran.

“Kelayakan adalah penting jika ia mempunyai mutu yang baik dan relevan,” ujar Encik Heng.

Namun, beliau berkata semakin ramai ibu bapa kini mengiktiraf pelbagai laluan dalam sistem pendidikan Singapura.

Pemerintah juga bekerjasama rapat dengan industri untuk memastikan adanya pelbagai laluan pendidikan ini sejajar dan relevan di tempat kerja.

Dalam hal ini, inisiatif SkillsFuture yang menggalakkan warga mendaki tangga kejayaan berdasarkan kemahiran mereka adalah penting.

“Satu aspek penting dalam hal ini ialah mengenali pasti apa kemahiran yang diperlukan, dan melakar program latihan yang diperlukan untuk kemahiran itu, serta cara terbaik mempelajari kemahiran itu,” ujarinya.

Beliau mengulangi gesaannya kepada warga Singapura supaya belajar untuk kemahiran sepanjang hayat.



ENCIK HENG SWEET KEAT:
Gesakan warga supaya belajar untuk kemahiran sepanjang hayat.